

CAREER FAIR UUM GAMIT LEBIH 2,000 PELAJAR

Hal Ehwal Pelajar

Mon 02/10/2017 5:16 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;

Cc: Azhar B Anis Mohammad <azhar@uum.edu.my>; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin <dino@uum.edu.my>; Mohd Ashari B Yaakub <ashari@uum.edu.my>; HEP - Pusat Pembangunan Kerjaya <hep.kerjaya@uum.edu.my>;



2 OKTOBER 2017, ISNIN | 11 MUHARAM 1439H

CAREER FAIR UUM GAMIT LEBIH 2,000 PELAJAR



Career Fair UUM 2017 yang menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan menggamit lebih 2,000 mahasiswa, di Varsity Mall.

Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya, Dr. Awan Ismail berkata, program dua hari anjuran Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC) HEP telah menarik minat pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di zon utara khususnya pelajar UUM yang mencari peluang pekerjaan mahupun penempatan praktikum.

Ujarnya, lebih 15 syarikat yang menyertai program ini antaranya My Star Job, RHB Bank, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), NTK Industrial dan Shell.

"Melalui program ini, sedikit sebanyak membantu pelajar lebih yakin dalam membuat persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan di samping mendapat pengalaman sebenar semasa menjalani sesi temuduga terbuka.

Peserta didedahkan dengan sesi ceramah kerjaya, pameran kerjaya selain berinteraksi dengan syarikat multinasional dalam membina rangkaian dan mempromosikan UUM kepada masyarakat

"Turut diadakan *walk-in interview* oleh syarikat yang berpotensi seterusnya calon yang berjaya dalam temu duga akan dihubungi untuk bekerja di syarikat mereka," jelasnya.

Tambahnya, program ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar dan masyarakat serta membantu melonjakkan kebolehpasaran graduan sekali gus mengurangkan pengangguran dalam kalangan pelajar universiti.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa, Nur Syuhada Baharudin, 22, berkata, program seumpama ini memberi peluang kepada pelajar berinteraksi dengan pelbagai syarikat yang berpotensi serta menjadi medan terbaik untuk mencari penempatan praktikum.

"Melalui pendedahan ini, dia boleh meningkatkan kemahiran diri sebelum menamatkan pengajian serta mendapat peluang pekerjaan di syarikat yang terbaik. Kebanyakan syarikat yang menyertai pameran kerjaya itu mencari pelajar yang memiliki kemahiran insaniah, terutamanya kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans, Richard Tan, 22, menyifatkan perkongsian bersama pihak syarikat membuka minda bagi menggalakkan pelajar membangunkan kecenderungan dan bakat menerusi sesi perkongsian yang menarik.

"Sebelum menyertai *Career Fair*, pengetahuan saya mengenai syarikat multinasional adalah terhad, namun taklimat yang telah diberikan oleh pihak penganjur berjaya mengubah tanggapan saya tentang realiti pembangunan kerjaya dan kelebihan syarikat yang ada," ujarnya.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.